

23/02/2001

Samsuddin teruskan usaha KSN terdahulu

KUANTAN, Khamis - Prestasi pentadbiran perkhidmatan awam di negara ini akan terus ditingkatkan bagi memenuhi kehendak orang ramai, terutama pelanggan, kata Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsuddin Osman.

Beliau berkata, ini kerana harapan serta kehendak orang ramai, khususnya pelanggan terhadap kecekapan pentadbiran sektor berkenaan semakin meningkat.

"Ini sudah tentu memaksa kita untuk terus melaksanakan penambahbaikan bagi sesuatu perkara yang dianggap perlu dalam usaha memuaskan hati pelanggan dan seterusnya yakin dengan kecekapan pentadbiran perkhidmatan awam.

"Insya-Allah jika saya dapati ada perkara yang perlu menambahbaikan, kita akan lakukan. Sebenarnya menambahbaikan dalam sesuatu perkhidmatan adalah satu proses berterusan.

"Bagaimanapun, banyak perubahan sudah dilakukan KSN terdahulu, termasuk Tan Sri Abdul Halim Ali dan Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dalam usaha melicinkan pentadbiran perkhidmatan awam.

"Saya yang baru mengambil alih jawatan KSN baru-baru ini akan meneruskan kesinambungan terhadap perubahan yang sudah dilakukan," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, di sini, hari ini.

Turut menemani Samsuddin ialah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Jamaluddin Damanhuri; Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Aseh Che Mat dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Zainal Abidin Mat Said.

Menurut Samsuddin, beliau berterima kasih di atas kesudian Adnan menyambut kedatangannya di Pahang yang antara lain bertujuan mendengar beberapa masalah daripada jabatan kerajaan bagi melicinkan pentadbiran, khususnya pada peringkat negeri.

Sementara itu, Adnan mengucapkan tahniah kepada Samsuddin kerana dilantik sebagai KSN serta Jamaluddin sebagai Ketua Pengarah JPA dan Aseh sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

"Saya percaya dengan latar belakang serta pengalaman Samsuddin dalam perkhidmatan awam, beliau mampu memberi khidmat cemerlang, selain mungkin akan membawa banyak perubahan baik ke arah membantu khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengendalikan pentadbiran negara," katanya.

Beliau berkata, pentadbiran negeri amat bertuah apabila Samsuddin memilih negeri ini sebagai destinasi pertama untuk dilawati sejak dilantik sebagai KSN.

"Saya dapati ketiga-tiga mereka adalah tokoh muda dan dinamik serta percaya banyak perubahan akan berlaku dalam perkhidmatan awam untuk kebaikan bersama," katanya.

(END)